

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 7.3.2017

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan berbanding dengan jumlah yang telah disalurkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dari tahun 2010 sehingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia menyalurkan peruntukan pembangunan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT) seluruh negara berdasarkan skop kerja untuk pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan, naik taraf, pendawaian elektrik, rawatan anai-anai dan sebagainya

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan bagi SJKC secara keseluruhan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak RM366,108,486.00 dan SJKT sebanyak RM155,622,563.00.

RJM03